

'Bukan jaminan harga barang turun'

Persatuan penaja akui perlu bayar kos lain untuk berniaga

Oleh **AZLEENDA SAHALUDIN**
SHAH ALAM

Pengurusan sepenuhnya lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula tahun ini tidak menjamin penurunan harga barang yang dijual peniaga, kata Persatuan Penaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP).

Yang Dipertua PPPKMWP, Datuk Mohamad Abdullah berkata, walaupun kadar sewa tapak bazar Ramadan ditawarkan lebih rendah berbanding tahun sebelumnya kerana diuruskan DBKL, namun kos operasi ditanggung peniaga tetap tinggi.

Selain itu, beliau menegaskan peniaga perlu membayar gaji pekerja yang semakin meningkat saban tahun.

"Selain perlu membayar harga sewa tapak ditetapkan DBKL, peniaga juga harus menanggung kos perniagaan lain seperti penyediaan bahan mentah, pengangkutan dan lain-lain lagi.

"Jadi, tidak adil untuk mereka menurunkan harga jualan hanya kerana kadar sewa tapak bazar Ramadan rendah. Banyak lagi kos operasi lain perlu ditanggung peniaga," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Terdahulu, DBKL bersetuju menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan



MOHAMAD

PPPKMWP bimbang kaedah diuruskan DBKL menimbulkan masalah lain kepada peniaga sedia ada.

an lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini bagi memastikan penaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan, inisiatif itu dilaksanakan bagi menangani rungutan penaja mengenai harga dikenakan bagi permohonan lesen perniagaan.

Katanya, melalui pendekatan baharu dengan penetapan harga berjumlah RM500 sahaja, menjadikan peniaga hanya perlu membayar kadar sewa RM16 sehari.

Tambah Dr Zaliha, DBKL turut akan menyediakan kira-kira 3,000 lot tapak bazar Ramadan di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan itu.

Mengulas lanjut mengenai pengambilalihan pengurusan lesen perniagaan dan penyelenggaraan tapak bazar oleh DBKL itu, Mohamad berkata, DBKL seharusnya cakna terhadap kebajikan peniaga di kawasan tradisi seperti Kampung Baru dan Wangsa Maju.

Katanya, peniaga lama di kawasan tersebut sudah terbiasa dengan sistem pemilihan cara lama dan agak sukar untuk menyokong langkah penentuan tapak sewa berasaskan sistem undi.

"Cuba bayangkan bagi peniaga air balang, mereka memerlukan sekurang-kurangnya dua atau tiga tapak niaga. Jika penentuan tapak ini dimuktamadkan menerusi sistem undi, tidak mustahil mereka akan dapat lokasi tapak niaga yang jauh atau tidak setempat.

"Justeru, DBKL tidak boleh lihat dari sudut penyelesaian masalah lesen perniagaan semata-mata, tetapi masalah lain dihadapi peniaga di lapangan," katanya.



**BAZAR
RAMADAN
JALAN TAR**



BAZAR RAMADAN LORONG TUANKU ABDUL RAHMAN (TAR) DI KUALA LUMPUR merupakan destinasi popular bagi pengunjung yang ingin membeli-belah dan menikmati juadah berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan. Terletak di Lorong Tuanku Abdul Rahman, bazar ini menawarkan pelbagai pilihan makanan tradisional, pakaian, aksesori, dan barangan lain yang menarik.

Anggaran pengunjung tahunan: Pada 9 April 2022, bazar ini mencatatkan kehadiran sekitar **210,000 pengunjung** dengan jumlah harian tertinggi sebanyak **21,600 orang** pada 17 April. Walaupun data terkini tidak tersedia, angka ini menunjukkan populariti bazar tersebut dalam kalangan masyarakat.

Pengunjung: Bazar ini menarik pengunjung dari pelbagai negeri di Malaysia, terutamanya dari Lembah Klang seperti Selangor dan Putrajaya. Selain itu, pelancong dari negeri-negeri lain dan juga luar negara turut mengunjungi bazar ini untuk merasai suasana meriah dan kepelbagaian budaya yang ditawarkan.

Anggaran jumlah peniaga: Pada tahun 2019, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima 1,448 permohonan untuk berniaga di bazar ini, namun hanya 334 petak disediakan dan diisi oleh peniaga yang layak. Ini memberikan gambaran mengenai jumlah peniaga yang terlibat setiap tahun.

Tarikan utama: Bazar ini terkenal dengan pelbagai juadah tradisional Melayu seperti nasi lemak, satay, kuih-muih, dan banyak lagi. Selain makanan, pengunjung juga boleh mendapatkan pakaian tradisional, aksesori, dan barangan lain yang sesuai untuk persiapan hari raya. Suasana meriah dengan hiasan berwarna-warni dan kepelbagaian produk menjadikan bazar ini destinasi wajib dikunjungi.

Anggaran nilai sewa: Kadar sewa biasanya ditetapkan oleh DBKL namun harga tapak boleh melambung ke paras tidak munasabah apabila terdapat pihak yang mengambil 'untung atas angin'.